



Ibu bapa teruja pasang robot bersama anak di reruai MOSTI



27/03/2022 04:44 PM

KANGAR, 27 Mac (Bernama) -- Ibu bapa teruja dapat membantu anak mereka memasang robot berkuasa solar di reruai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di tapak Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra.

Pengunjung Ahmad Danial Nordin, 42, berkata beliau memanfaatkan cuti hujung minggu membawa dua orang anaknya Ahmad Mirza, 14, dan Farisah Alia, 10, merasai sendiri pengalaman memasang robot.

"Saya dapat lihat bahawa 'abang long' (Ahmad Mirza) dan 'kakak' (Farisah Alia) cekap memasang robot, mungkin kerana mereka sudah biasa memasang lego sebelum ini dan saya hanya memerhati dan membantu membacakan arahan kepada mereka," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Penjawat awam berkenaan memuji program yang disediakan MOSTI itu kerana dapat menerapkan minat anak-anak terhadap bidang sains dan teknologi.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik MOSTI Ruziah Shafie berkata memasang robot adalah salah satu daripada aktiviti yang berjaya menarik minat orang ramai ke reruai kementerian tersebut.

"Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang sains dan teknologi ke peringkat akar umbi, agar semua lapisan masyarakat dapat memahaminya," katanya.

Tambahnya, sehingga kini pihaknya telah menerima seramai 950 orang pengunjung dan angka itu dijangka meningkat kepada 1,200 orang, iaitu sehingga reruai ditutup petang ini.

-- BERNAMA